



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK
2002

BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

SUKU TAHUN (3/2020)



Hebahan Bayaran Dan Semakan Cukai Taksiran Secara Dalam Talian

Mulai penggal kedua 2020 sebarang bayaran dan semakan bil cukai taksiran akan diadakan secara dalam talian. Oleh yang demikian antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan Penilaian dan Harta adalah dengan melakukan hebahan melalui pemasangan kain rentang disekitar kawasan Taiping. Para penduduk boleh mengakses ia melalui aplikasi mobil myMPT. Selain turut juga boleh melayari <https://ebayar.mptaiping.gov.my>



BULAN OKTOBER

BULAN INOVASI

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING



Majlis Perbandaran Taiping



05-8080777



mpt@mptaiping.gov.my



LAWATAN KERJA TEKNIKAL DARIPADA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN KE MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

16 JULAI 2020 – Majlis telah menerima satu lawatan kerja oleh kakitangan teknikal dari pelbagai jabatan di Majlis Bandaraya Seremban bagi tujuan berkongsi ilmu dalam bidang teknikal masing-masing. Rombongan ini disambut oleh Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Bahagian seperti Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Zoo, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Bandar, Bahagian Bangunan, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Landskap.

Mereka dibawa melawat ke Taman Botani Perak dan Taman Tasik Taiping serta diberikan taklimat mengenai pembangunan projek Taman Botani Perak Fasa 1. Selain itu, rombongan ini juga turut dibawa melawat ke RainTree Walk di mana pelawat turut diberi taklimat mengenai kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan pokok-pokok warisan dijalankan.



LAWATAN KERJA OLEH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN SERTA KETUA PENGARAH JABATAN LANDSKAP NEGARA KE TAMAN BOTANI PERAK

25 JULAI 2020 – Lawatan kerja ke Taman Botani Perak oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik serta diiringi oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, YBrs. Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir AMP, Setiausaha Perbandaran MPT, Encik Kamaruzzaman bin Kamari. Lawatan singkat ini turut disambut meriah oleh kakitangan Jabatan Landskap Negara dan kakitangan Majlis Perbandaran Taiping yang terlibat. Taklimat disampaikan oleh Cik Harniza binti Ishak sepanjang lawatan tersebut.



Cabutan Bertuah Program Insentif Cukai Taksiran 2020

Jabatan Penilaian dan Harta telah mengadakan acara Cabutan Bertuah Program Insentif Cukai Taksiran pada 1 Julai 2020. Acara yang bertempat di Penthouse Majlis Perbandaran Taiping itu telah dirasmikan oleh Yang DiPertua Majlis Perbandaran Taiping iaitu YBrs Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, AMP. Turut hadir adalah Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian serta pihak wartawan. Hadiah utama berupa sebuah kereta PROTON NEW SAGA 1.3 AT telah dimenangi oleh Goh Cheng Chai dan Ng Hooi Beng dari Jalan Lim Swee Aun, Taiping Perak. Hadiah sampingan bagi sepuluh orang pemenang cabutan bertuah lain adalah terdiri daripada ketuhar gelombang mikro, kipas berdiri, periuk nasi elektrik dan juga pembakar roti.



9/9

LATIHAN 'HANDS ON SYSTEM' OSC 3.0 PLUS ONLINE BERSAMA AGENSI TEKNIKAL LUARAN



23/9

OPERASI HAIWAN MERAYAU



25/9

OPERASI BURUNG WALIT

KAKITANGAN BAHARU MPT

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	AIMAN SYAFIQ BIN BOHARI	PEMBANTU OPERASI N11
2.	KUMARA A/L LOHGANATHAN	PEMBANTU OPERASI N11
3.	MOHD AZAMUDDIN BIN ARBAIN	PEMBANTU OPERASI N11
4.	MUHAMAD AMIR FARID BIN HAMDAN	PEMBANTU OPERASI N11
5.	MUHAMMAD AL HAFIZ BIN SABRI	PEMBANTU OPERASI N11
6.	MUHAMMAD FAHMI BIN SAIDIN	PEMBANTU OPERASI N11
7.	NARESH KUMAR A/L MOHGAN	PEMBANTU OPERASI N11
8.	RAJKUMAR A/L PANDIAN	PEMBANTU OPERASI N11
9.	ANIS ROHAYU BINTI MOHAMED ALI	PEMANDU KENDERAAN H11



Diterbitkan oleh : Bahagian Kualiti
Editor : Tuan Haji Norazlani b. Hamadudin
Urusetia : Encik Muhamad Sufishahiran

Satu-satunya cara untuk melakukan pekerjaan yang hebat adalah dengan mencintai apa yang kamu lakukan.